

# Cukai Hartanah Anda **Menyumbang** Kepada **Singapura**



INLAND REVENUE  
AUTHORITY  
OF SINGAPORE



Cukai digunakan untuk membantu anak-anak kita berjaya, menjaga keselamatan Singapura, menyediakan penjagaan kesihatan yang dimampui dan bermutu serta memupuk sekitaran kehidupan yang sesuai supaya kita berbangga untuk menjadikan kediaman kita.


# Memahami Cukai Hartanah

## Mengapa Membayar Cukai Hartanah?

Apa khabar Puan Gopal! Saya telah menerima bil Cukai Hartanah saya. Mengapa saya perlu membayar cukai hartanah untuk rumah saya sendiri?

Cukai Hartanah ialah cukai pada pemilikan hartanah dan perlu dibayar oleh semua pemilik hartanah untuk hartanah yang mereka miliki. Pembayaran cukai hartanah digunakan untuk membiayai pendidikan anak-anak, kemudahan perubatan untuk warga tua dan taman-taman riadah untuk kita nikmati.

Oh, begitu. Baru saya yakin yang ia akan memberi faedah kepada saya dan keluarga saya.



## Nilai Tahunan (AV)

Nilai Tahunan (AV) X Kadar Cukai = Cukai Hartanah  
Bagaimana IRAS menentukan Nilai Tahunan?

Nilai Tahunan ialah anggaran sewa tahunan bagi hartanah anda, dengan anggapan hartanah anda disewakan. IRAS mengambil kira semua perjanjian sewa bagi hartanah yang serupa di kejiranan anda untuk menentukan Nilai Tahunannya. Untuk mengetahui jika ia adil, anda boleh periksa senarai sewa di laman web HDB dan URA sebagai perbandingan.

Oh, begitu. Saya akan periksa bil saya. Saya tinggal di flat HDB 4 bilik dan AV saya ialah \$10,500. Saya bayar \$100 setiap tahun.



Saya tinggal di kondominium dan AV saya ialah \$30,000. Maknanya saya membayar \$880 setiap tahun.

Saya tinggal di harta tanah dan AV saya ialah \$90,000. Saya membayar cukai hartanah lebih tinggi iaitu \$4,480 setiap tahun.

## Kadar Cukai Hartanah Progresif

Ya, kadar cukai hartanah adalah progresif. Pemilik rumah yang tinggal di rumah bernilai tinggi akan membayar cukai hartanah yang lebih.

Wah, saya membayar \$100 berbanding Gopal yang membayar \$4,480 setiap tahun!




Saya periksa laman web URA bagi kadar sewa hartanah yang serupa di kejiranan saya. Saya dapati IRAS telah menilai AV saya dengan adil. Saya dapati ada beberapa kadar sewa yang lebih tinggi.

## Penghuni-Pemilik Membayar Cukai Lebih Rendah

Apa khabar Thomas, AV bagi kondominium 4 bilik saya ialah \$36,000 dan saya membayar \$1,120 kerana saya tinggal di dalamnya. Berapakah cukai yang anda bayar untuk kondominium 3 bilik anda yang anda sewakan?

AV saya ialah \$30,000 dan saya membayar \$3,000 setiap tahun.

Oh, begitu. Walaupun rumah saya lebih besar daripada rumah anda, saya membayar cukai lebih rendah kerana saya tinggal di hartanah tersebut.





# Kadar Cukai Hartanah untuk Hartanah Perumahan

## Kadar Cukai Penghuni Pemilik

Nilai Tahunan (AV)	Kadar Cukai Progresif	Pembayaran Cukai Hartanah
\$8,000 pertama \$47,000 selanjutnya	0% 4%	\$ 0 \$ 1,880
\$55,000 pertama \$15,000 selanjutnya	- 6%	\$ 1,880 \$ 900
\$70,000 pertama \$15,000 selanjutnya	- 8%	\$ 2,780 \$ 1,200
\$85,000 pertama \$15,000 selanjutnya	- 10%	\$ 3,980 \$ 1,500
\$100,000 pertama \$15,000 selanjutnya	- 12%	\$ 5,480 \$ 1,800
\$115,000 pertama \$15,000 selanjutnya	- 14%	\$ 7,280 \$ 2,100
\$130,000 pertama \$130,000 ke atas	- 16%	\$ 9,380

## Kadar Cukai Perumahan

(Hartanah yang Tidak Didiami Pemilik)

Nilai Tahunan (AV)	Kadar Cukai Progresif	Pembayaran Cukai Hartanah
\$30,000 pertama \$15,000 selanjutnya	10% 12%	\$ 3,000 \$ 1,800
\$45,000 pertama \$15,000 selanjutnya	- 14%	\$ 4,800 \$ 2,100
\$60,000 pertama \$15,000 selanjutnya	- 16%	\$ 6,900 \$ 2,400
\$75,000 pertama \$15,000 selanjutnya	- 18%	\$ 9,300 \$ 2,700
\$90,000 pertama \$90,000 ke atas	- 20%	\$12,000



## Soalan Yang Sering Ditanya

1

Saya telah hilangkan/salah letak/tidak menerima bil saya. Bagaimana boleh saya mendapatkan salinan bil/penyata akaun saya?

Log masuk [mytax.iras.gov.sg](http://mytax.iras.gov.sg) menggunakan SingPass anda untuk:

- Mendapatkan salinan bil anda (Pilih "Notices")
- Minta penyata akaun (Di bawah "Account Summary")

2

Saya tinggal di dalam hartanah saya tetapi perkiraan cukai saya menunjukkan "Kadar Cukai Perumahan". Apa yang patut saya lakukan?

Log masuk [mytax.iras.gov.sg](http://mytax.iras.gov.sg) > "Apply for Owner-Occupier Tax Rates". Harap maklum bahawa kadar cukai penghuni-pemilik hanya boleh diberikan kepada satu rumah yang dimiliki dan dihuni oleh seorang individu atau satu pasangan yang telah berkahwin.

3

Bagaimana boleh saya periksa jika IRAS telah menerima pembayaran saya atau periksa cukai tertunggak saya?

Pembayaran anda akan dipaparkan di akaun cukai anda dalam tempoh tiga hari bekerja selepas pembayaran diterima. Sila ke [www.iras.gov.sg/irashome/ePTBalance](http://www.iras.gov.sg/irashome/ePTBalance) untuk memeriksa kedudukan cukai anda menggunakan NRIC dan alamat hartanah anda.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman [www.iras.gov.sg](http://www.iras.gov.sg).

Ikuti IRAS di

[www.facebook.com/irassg](https://www.facebook.com/irassg) [www.twitter.com/iras\\_sg](https://www.twitter.com/iras_sg)



Pengesahan 2 langkah atau 2FA diperlukan semasa menggunakan SingPass untuk log masuk ke myTax Portal. Untuk memeriksa jika anda telah berjaya menetapkan 2FA anda, sila log masuk ke [www.singpass.gov.sg](http://www.singpass.gov.sg)